

Perkara Talak: Keadaannya Sekarang, Hukuman dan Cara-caranya Mengikut Islam

Persidangan Hari Wanita, pada minggu akhir bulan Ogos 1962 telah mengambil beberapa keputusan di antaranya “memohon kepada Majlis Raja-raja Melayu supaya mengetat dan membaiki undang-undang cerai-berai dan khas membenarkan seorang isteri yang telah diceraikan oleh suaminya dengan tidak kesalahan isterinya atau sebab yang munasabah, adalah menuntut sara hidup baginya, selain daripada bayaran idah, sehingga ia mati, atau nikah lagi ataupun ianya membuat perkerjaan curang.’ Di dalam pasukan tentera juga permohonan yang seperti ini telah didatangkan kerana memandang kepada banyaknya perceraian-perceraian yang terjadi pada masa-masa yang lalu; dan adanya kecuai-an-kecuai-an ataupun kurang perhatian seorang suami kepada jandanya dengan janda itu ditanggungkan pula bebanan-bebanan yang memerlukan kepada mereka supaya diadakan suatu undang-undang yang dikuatkuasakan untuk memberi “nafkah” atau “*maintenance*”, kepada isteri-isteri yang diceraikan atau kepada anak-anaknya.

Oleh Abdullah bin Hamid al-Edrus

Ketidakpuashati dengan keadaan-keadaan perceraian yang berlaku atau dilakukan sememangnya sudah lama menjadi persoalan masyarakat, semenjak dari sebelum perang membawa kepada sesudah perang dan akhirnya dalam masa merdeka sekarang. Masyarakat merasa dan bertimbang rasa bagaimana pahitnya hidup seorang isteri yang diceraikan oleh suaminya dengan menanggung pula beberapa orang anak tidak diberi belanja atau sara hidup yang mencukupi.

Islam di dalam hal ini adalah menghukumkan seseorang isteri yang diceraikan, kalau ada anak yang belum cukup umur dipelihara atau terletak di dalam pemeliharaan isteri yang diceraikan itu hendaklah belanja atau sara hidup anak-anak itu dibayar oleh suaminya, begitu pula isteri yang menjaga atau memelihara anak itu hendaklah diberi “gaji” sebagai pengasuh anak itu oleh suaminya sehingga anak itu akil baligh. Adalah molek benar dan munasabah perkara yang demikian, yang itulah ada hukumnya di dalam Islam itu dikuatkuasakan di dalam negeri untuk menghapuskan segala perkara-perkara yang dipandang boleh membawa kepada aniaya.

Tetapi adalah menjadi suatu pertanyaan yang sukar

dijawab iaitu apakah tujuan-tujuan yang dimaksudkan atas perkataan “mengetatkan undang-undang cerai?” Cerai atau talak itu adalah hak seorang lelaki. Kalau ia diucapkan dengan bersenda sekalipun maka gugurlah talak itu ke atas seorang isteri. Kerana itu adalah menjadi satu perkara yang mustahak pengertian mengetatkan cerai atau talak ini, hendaklah kiranya jangan mengacau atau merampas hak seorang suami yang diberi oleh Tuhan dengan mutlak itu di dalam perkara menceraikan isterinya atau isteri-isterinya. (Lihat kelak aturan syarak pada penghujung rencana ini mengenai dengan cerai – P.).

Di dalam mendatangkan hukum atau usaha mengetatkan hukum cerai umpamanya, janganlah kiranya dicuba merampas hak-hak itu. Umpamanya di Singapura dan di Selangor, seseorang yang menceraikan isterinya, tidak akan diterima cerainya (didaftarkan) melainkan dengan persetujuan isteri itu sendiri – ertinya kalau seorang suami telah menceraikan isterinya dengan cukup syarat-syaratnya lalu datang meminta didaftarkan (mengikut Undang-undang Negara) maka cerainya itu sekalipun sah, tidak diterima melainkan sekiranya isterinya bersetuju di atas cerai yang diberi itu.

Akibat yang bakal didapati di dalam persoalan ini:

kalaupun cerainya tidak didaftarkan ialah:

1. Isteri tidak akan dapat berkahwin lagi kerana tidak ada surat cerai.
2. Suami tidak dapat beristeri lagi kerana ia terikat dengan Undang-undang Negara tidak dibenarkan beristeri hanya ada izin isterinya yang lama dan sebab-sebab yang diluluskan oleh kerajaan (Singapura dan Selangor).
3. Kalau suami berharta atau isteri berharta, kalau salah seorang di antara keduanya mati maka di antaranya yang hidup boleh menuntut warisnya harta sebab mengikut Undang-undang Negara ia masih sebagai suami isteri lagi.
4. Ahli-ahli waris di antara keduanya akan teraniaya dengan peraturan ini.

Menurut Peguam Agung Singapura Encik Ahmad bin Ibrahim, di dalam buku seminarnya, mengatakan bahawa seseorang suami yang mentalak isterinya tidak diterima melainkan dengan persetujuan isterinya. Peraturan ini dijalankan oleh Mahkamah Syariah Singapura sekarang, yang seolah-olah peraturan dijalankan sebagaimana yang dikehendaki di dalam Rang Undang-undang Hukum Islam yang dikaji semula.

Di Selangor pula, di dalam Peraturan Nikah dan Cerai bagi negeri Selangor 95/60 di antaranya menyebut berkenaan cerai:

5. Perceraian: (1) Mulai dari 1 Januari 1960 telah dikanunkan iaitu perceraian tidak boleh dilakukan di mana jua pun melainkan di hadapan kadi dengan memasukkan penyata-penyata mengikut perkara yang dikehendaki oleh borang perceraian 95/60 yang telah disediakan.

(2) Dan cerai atau talak tiada

boleh digugurkan melainkan sesudah mendapat persetujuan dari pihak perempuan (isteri) dan kelulusan dari kadi, (dan bagi pihak kadi sebelumnya meluluskan perceraian ini terpakslah mengadakan perjumpaan memberi nasihat kedua-dua belah pihak supaya berdamai dan berbaik semula, dan setelahnya ia berpuas hati atas sebab-sebab bercerai itu munasabah dan tidak dapat diperbaiki lagi baharulah perceraian itu diluluskan).

Sepanjang yang diketahui bahawa hukuman seperti ini tidak ada di dalam syarak Islam. Sebab itu orang-orang memandang bahawa hukuman ini dicelup daripada hukuman undang-undang perkahwinan orang-orang Kristian. *Ṣāhib al-Faḍīlah al-Sayyid* Alwi bin Tahir al-Haddad Mufti Johor yang bersara sendiri pernah mengatakan yang demikian ini kepada penulis. Tetapi perkara yang besar dan bertalian dengan hukuman perkahwinan yang bertalian untuk kesucian keturunan orang-orang Islam, tidak terdengar sedikit pun jua daripada alim ulama kita yang membahas dan memberi peringatan: bahawa undang-undang ini adalah bukannya undang-undang Islam.

Dengan kerana kesunyian-kesunyian ini maka hukum syarak dengan leluasa dilanggar dan diperkosa, dan orang-orang Islam di dalam hukuman perkahwinan dan cerai, dihukum dengan hukuman yang bukan hukuman dari Islam.

Saya berani mengatakan begitu kerana hukuman Islam, yang terkenal di dalam empat Mazhab dengan terang dan jelas menunjukkan bahawa hak cerai itu adalah hak suami – haknya yang penuh dan boleh dilakukannya pada bila-bila masa pun. Hukuman negara tidak boleh merampas hak seseorang yang diberi oleh Tuhan dan mengubah hukuman yang tertentu

Sambungannya pada muka 41

Perkara Talak: Keadaannya Sekarang

Sambungan dari muka 3

diberi oleh Tuhan.

Kalaupun hendak mengadakan peraturan-peraturan yang menjauhkan perempuan daripada teraniaya tidakkah lebih molekul dikuatkuasakan sahaja undang-undang syarak mengenai ini terutamanya di dalam menentukan perbelanjaan idah dan pemeliharaan anak-anak yang dipelihara oleh isteri yang diceraikan itu. Merampas hak yang diberi Tuhan dan menguatkuasakan sesuatu hukuman yang bertentangan dengan hukum Tuhan adalah suatu perkara yang tentu sahaja tidak diredai oleh seluruh umat Islam yang mengerti sedikit sebanyak di atas undang-undang syarak.

Cuba perhatikan di bawah ini bagaimana syarak menentukan talak yang diberi kepadanya. Saya rasa untuk orang-orang awam ada baiknya menatapnya supaya menjadi panduan bagaimana akibat-akibat cerai itu. Ini adalah diambil daripada kitab “*al-Fiqh ‘ala al-madhāhib al-arba‘ah*” (Hukum Fikah Dari Empat Mazhab):

Apakah dia talak itu?

Takrifnya talak menurut Bahasa Arab maknanya “pembuka ikatan”, dan menurut istilah syarak bermakna “pembuka ikatan akad nikah yang mengikat dua suami isteri”.

Rukun Talak:

Rukun talak ialah empat perkara: 1. Suami, 2. Isteri, 3. Lafaz talak, baik secara tegas nyata (*ṣarīh*), mahupun secara sindiran (*kināyah*). 4. *Qaṣad* (menyahaja), yakni menuturkan dengan lafaz talak.

Syarat talak:

Sebelum itu seyogianya diketahui bahawa talak itu

banyak pecahannya. Misalnya talak yang dijatuhkan oleh orang yang dipaksa, talak orang yang sedang mabuk arak, talak dengan isyarat, talak dengan surat, talak secara bergurau dan yang salah melafazkannya, dan talak yang dijatuhkan oleh orang yang sedang marah.

Walau bagaimanapun, talak itu ada beberapa syaratnya. Setengahnya berhubung dengan suami yang menjatuhkan talak, setengahnya berhubung dengan isteri, dan setengahnya yang lain berhubung dengan lafaz talak.

Seorang suami yang menjatuhkan talak ada beberapa syaratnya:

(1) Hendaklah ia berakal, orang gila tidak sah talaknya.

Maksud gila di sini ialah orang yang hilang akalunya disebabkan penyakit. Oleh itu, termasuk orang yang pengsan, dan orang yang kuat demamnya lalu merepek, dan orang yang hilang akalunya disebabkan lain-lain penyakit.

Adapun orang yang tidak hilang akalunya tetapi hanya tertutup kerana meminum arak atau menghisap ganja atau madat atau lain-lain sebagainya, maka kalau ia meminum atau menghisapnya sedang ia mengetahui bahawa benda itu menghilangkan akal dengan tujuan hendak mabuk dan merasa seronok, lalu hilang akalunya dan pada ketika itu ia menjatuhkan talak isterinya, maka talaknya itu dikira atasnya. Kalau pula ia meminum atau menghisap sesuatu sedang ia percaya bahawa benda itu tidak memabukkan, atau dengan tujuan hendak mengubati penyakitnya, lalu hilang akalunya dan ia pun menjatuhkan talak maka talaknya itu tidak dikira (tidak sah).

Jelasnya, tiap-tiap perkara yang memabukkan, yang berdosa seseorang itu meminum atau menghisapnya, apabila menyebabkan dia hilang akal lalu ia menjatuhkan talak isterinya dengan tidak disedari, maka talaknya itu dikira (sah)

sebagai menjadi pengajaran baginya dan bagi orang-orang yang sepertinya yang mencerooboh perkara-perkara yang diharamkan oleh agama. Adapun orang yang meminum dan menghisap benda-benda yang tidak haram (lalu mabuk dan menjatuhkan talak) maka talaknya itu tidak dikira, kerana ia tidak bersalah.

(2) Hendaklah ia baligh, orang yang belum baligh tidak sah talak yang dijatuhkannya. (Menurut Mazhab Ḥanbalī sah talaknya).

(3) Hendaklah ia bebas – tidak dipaksa. Suami yang dipaksa tidak sah talak yang dijatuhkannya. (Menurut Mazhab Ḥanafī sah talaknya).

Syarat talak yang berhubung dengan isteri pula, hendaklah isteri itu telah nikah dengannya dengan akad nikah yang sah. Kalau ia (suami) berakad nikah dengan perempuan yang masih di dalam idah, atau berakad nikah dengan saudara perempuan isterinya, atau sebagainya dari akad-akad nikah yang tidak sah, maka talaknya itu tidak sah, kerana perempuan yang tersebut bukan isterinya.

Lafaz talak pula disyaratkan dua perkara.

Pertama – Hendaklah ia lafaz yang menunjukkan kepada talak dengan tegas nyata (*ṣarīḥ*), atau sindiran (*kināyah*). Oleh itu talak tidak jatuh dengan perbuatan, seperti jika ia marahkan isterinya lalu menghantarkannya ke rumah ibu bapanya, dan menghantarkan kepadanya akan barang-barang dan baki mas kahwinnya yang terhutang dengan **tidak melafazkan perkataan talak**, maka itu tidak dikira menjadi talak. Demikian juga tidak jatuh dengan niat, dengan tidak dilafazkan.

Kedua – Hendaklah lafaz talak itu disengajakan. Kalau ia hendak mengatakan kepada isterinya: Awak suci (*tāhirah*), lalu tersalah dan mengatakan kepadanya engkau tertalak (*tāliq*), maka talaknya itu tidak jatuh di antaranya dengan Allah ‘Azza wa Jalla, tetapi menurut hukum

kehakiman (*qāḍī*) talaknya itu jatuh, kerana kadi tidak mengetahui akan apa yang terkandung di dalam hatinya orang yang menjatuhkan talak seperti itu, dikatakan “orang yang tersalah” (*mukhṭī*).

Talak orang yang marah.

Talak yang dijatuhkan oleh suami yang marah, telah dibahagikan oleh setengah ulama kepada tiga bahagian.

Pertama – Marahnya itu telah sedia dari mulanya, dan tidak pula menghilangkan akalanya sekira-kira ia menyengajakan apa yang dilafazkannya itu dan mengetahuinya. Orang yang demikian keadaannya, sahlah talak yang dijatuhkannya.

Kedua – Marahnya timbul pada saat yang akhir sehingga menghilangkan akalanya dan menjadikan dia seperti orang gila yang tidak menyengajakan apa yang dilafazkannya dan tidak mengetahuinya. Orang yang demikian keadaannya, tidak sah talak yang dijatuhkannya.

Ketiga – Marahnya itu pertengahan di antara dua keadaan yang tersebut. Yakni meskipun ia naik marah tetapi tidaklah seperti orang gila yang tidak menyengajakan apa yang dilafazkannya dan tidak pula mengetahuinya.

Menurut jumhur ulama (ulama yang terbanyak) bahawa talak yang dijatuhkannya itu sah, kecuali Ibn al-Qayyim yang mengatakan tidak sah. (Ibn al-Qayyim bermazhab Ḥanbalī tetapi alim ulama Mazhab Ḥanbalī, apalagi dari lain-lain mazhab tidak bersetuju dengan pendapatnya itu).

Talak dengan isyarat dan tulisan

Adakah isyarat atau tulisan dari orang yang bisu atau lainnya dapat disamakan dengan lafaz talak?

Masalah ini telah dihuraikan oleh mazhab-mazhab yang empat seperti berikut:

Mazhab Shafī‘ī – berkata: Talak dengan isyarat daripada orang yang sanggup berkata-berkata tidak sah

sama sekali. Demikian juga tidak sah talak dengan niat. Talak mestilah dilafazkan dan hendaklah didengar oleh orang yang melafazkannya sendiri di dalam keadaan biasa. Kalau isterinya mengatakan ceraikan aku, lalu ia (suami) memberi isyarat kepadanya tiga jari atau dengan tangannya, dengan maksud menyuruhnya pergi, atau memutuskan tali halus dengan tangannya, atau sebagainya, maka itu tidak disifatkan jatuh talaknya. Kerana perbuatan orang itu menggunakan isyarat sahaja menunjukkan bahawa ia tidak bermaksud hendak menjatuhkan talak, sekalipun ia dengan perbuatannya itu bermaksud menjatuhkan talak.

Talak dengan isyarat yang dijahkan¹ oleh orang yang bisu adalah sah, dengan syarat isyaratnya itu difahami maksudnya.

Talak yang dijatuhkan dengan bersurat pula adalah sah dengan beberapa syarat:

Pertama – Hendaklah disertakan dengan niat. Kalau ia menulis surat kepada isterinya dengan mengatakan: Aku ceraikan engkau, sedang ia tidak berniat maka talaknya itu tidak jatuh. Talak dengan bersurat adalah disifatkan “Talak *Kināyah*”, baik terbitnya daripada orang yang boleh berkata-kata atau orang yang bisu. Tetapi orang bisu hendaklah menulis bersama-sama dengan lafaz talak itu perkataan yang berbunyi: “Aku sengajakan talak” supaya jelas bahawa ia niatkan talak dengan suratnya itu.

Kedua – Hendaklah benda yang ditulis itu kertas dan sebagainya yang dapat dibaca dengan nyata.

Ketiga – Hendaklah suami itu menulis sendiri akan lafaz talak yang tersebut. Kalau ia menyuruh orang lain menulisnya lalu ia (suami) meniatkan talak dengan tulisan orang lain, maka talaknya itu tidak jatuh, kerana syaratnya hendaklah tulisan dan niat itu terbitnya dari seorang sahaja.

Selain daripada itu, kalau seorang suami menulis kepada isterinya dengan berkata: “Apabila sampai

kepadamu suratku ini maka engkau adalah tertalak”. Dengan surat yang tersebut sampai kepadanya maka jatuh talaknya asalkan tulisannya tidak padam. Kalau tulisannya padam sehingga tidak dapat dibaca, kerana ditulis dengan pensil atau sebagainya maka talaknya tidak jatuh.

Kalau pula seorang suami menulis kepada isterinya: “Apabila engkau baca suratku ini maka tertalakah engkau”, sedang si isteri itu tahu membaca dan menulis, maka talaknya tidak jatuh melainkan setelah ia membaca bunyi lafaz talak itu. Dalam hal yang seperti ini tidak cukup jika orang lain membacakan surat ini kepadanya. Jika ia buta sebelum surat itu sampai kepadanya lalu dibaca oleh orang lain kepadanya maka itu juga tidak cukup (dan dengan itu talaknya tidak jatuh). Kalau pula ia tidak tahu membaca dan menulis dan si suami tahu akan halnya itu, maka jatuhlah talaknya apabila orang lain membacakannya. Kecuali kalau suaminya tidak tahu akan halnya (tentang tahu membaca atau tidak) maka talaknya tidak jatuh melainkan apabila orang lain membacakannya. Kalau pula suami mengetahui bahawa isterinya tidak tahu membaca dan menulis, lalu ia menulis surat dengan yang demikian itu, tetapi sebelum surat itu sampai kepada isterinya, ia (isterinya) telah belajar membaca dan menulis, maka menurut yang muktamad, talaknya itu jatuh, baik surat itu dibaca sendiri atau dibacakan oleh orang lain.

(Mazhab-mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī terlalu lanjut huraian mereka tentang masalah ini dan tidak mustahak diturunkan di sini).

Pembahagian talak

Alim ulama ahli Fikah telah membahagikan talak kepada beberapa bahagian yang berlain-lainan.

Dengan sifatnya sebagai hukum syarak, mereka telah membahagikannya kepada wajib, haram, makruh, sunat dan

¹ Perkataan sebenar ialah dijatuhkan.

harus. “Talak Wajib” ialah apabila seseorang suami tidak sanggup menunaikan hak-hak isteri. “Talak Haram” pula ialah apabila jatuhnya membawa kepada perkara-perkara yang haram atau kerana membawa kepada menganiaya isteri. “Talak Makruh”, dan “Talak Sunat” serta “Talak Harus” pula ialah apabila membawa kepada perkara-perkara yang akan diterangkan kelak.

Dengan sifatnya menurut masa jatuhnya, mereka telah membahagikannya kepada dua: “*Ṭalāq Sunnī*” dan “*Ṭalāq Bid’ī*”.

Dengan sifatnya menurut lafaznya pula, mereka membahagikannya kepada beberapa bahagian seperti: “*Ṭalāq Ṣarīḥ*” dan “*Ṭalāq Kināyah*”, “*Ṭalāq Bā’in*” dan “*Ṭalāq Raj’ī*”.

Di bawah ini ialah segala bahagian-bahagiannya itu:

Pecahan kepada wajib, haram dan seterusnya:

Asal talak itu makruh. Seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya dengan tidak bersebab. Kerana itulah Rasulullah (S.A.W) bersabda: “*Abghaḍu al-ḥalālī ilā Allāhi al-ṭalāq*”. Ertinya: “Sebenci-benci perkara yang halal kepada Allah ialah talak.”

Meskipun begitu, tetapi sebab-sebab yang membawa kepada talak adakalanya menjadikan talak itu wajib, adakalanya menjadi haram, adakalanya menjadi makruh dan adakalanya menjadi sunat.

Talak itu menjadi wajib apabila seseorang suami tidak sanggup bersetubuh dengan isterinya atau tidak mampu memberikan nafkahnya. Isteri itu berhak menuntut cerai dan hendaklah ditunaikan tuntutan itu. Dalam hal yang seperti ini si suami wajib menceraikan isterinya untuk menjaga akhlak dan kehormatan si isteri itu dan supaya ia tidak teraniaya.

Talak itu juga akan menjadi haram jika membawa suami kepada melakukan zina dengan bekas isterinya itu atau dengan perempuan yang lain. Talak menjadi haram

juga jika membawa kepada memakan hak-hak orang ramai.

Talak pula akan menjadi makruh jika dijatuhkan dengan tidak bersebab dan akan menjadi sunat jika isteri rosak akhlaknya dengan melakukan maksiat atau meninggalkan sembahyang, atau meninggalkan puasa dan sebagainya.

Lafaz talak:

Talak menurut lafaznya terbahagi dua: *Ṣarīḥ* (tegas nyata), dan *Kināyah* (sindiran). Talak *ṣarīḥ* itu pula terbahagi dua: *Ṭalāq Raj’ī* (talak yang boleh rujuk) dan *Ṭalāq Bā’in* (talak nyata) yang tidak boleh rujuk.

Huraian menurut Mazhab Shāfi’ī seperti berikut:

Talak itu terbahagi kepada dua: *ṣarīḥ* dengan sendirinya, dan *ṣarīḥ* dengan lainnya.

Talak jenis yang pertama (talak *ṣarīḥ* dengan sendirinya) ialah yang diambil dari perkataan “*al-Ṭalāq*” (talak), seperti dikata “Engkau tertalak” (*Anti ṭāliq*), atau dikata “Aku talakkan engkau” (*ṭallaqtuki*).

Atau yang diambil dari perkataan “*al-Sarrāḥ*” (lepas), seperti dikata “Aku lepaskan engkau” (*sarraḥtuki*).

Atau yang diambil dari perkataan “*al-Firāq*” (pemisahan), seperti dikata “Aku berpisah dengan engkau” (*fārraqtuki*). Dan beberapa lafaz lagi.

Jelasnya, talak yang *ṣarīḥ* dengan sendirinya ialah yang terhimpun padanya dua perkara.

Pertama, hendaklah lafaz yang tersebut ada di dalam al-Qur’ān dengan berulang-ulang. Ini nyata di dalam lafaz “*al-Ṭalāq*” dan lain-lain lafaz yang menjadi pecahannya. Tentang lafaz “*al-Sarrāḥ*” pula maka ia telah tersebut di dalam firman Allah Ta’ālā yang berbunyi “*Fa amsikūhunna bi ma’rūf, aw sarriḥūhunna bi ma’rūf*”. Ertinya: “Maka tahanlah isteri-isteri kamu dengan baik atau lepaskan mereka dengan baik”. Tentang lafaz

“*al-Firāq*” pula telah tersebut di dalam firman Allah Ta‘ālā yang berbunyi: “*Fa amsikūhunna bi ma ‘rūf, aw fāriqūhunna bi ma ‘rūf*”. Ertinya: “Maka tahanlah isteri-isteri kamu itu dengan baik atau berpisah dengan mereka dengan baik”. Meskipun lafaz *al-Firāq* ini tidak berulang-ulang sebutannya di dalam al-Qur’ān tetapi telah berulang-ulang maknanya. Oleh itu termasuklah ia dalam jenis lafaz yang berulang-ulang.

Kedua, hendaklah lafaz itu masyhur pemakaiannya dalam talak, dan telah nyata bahawa kata-kata: *al-Sarrāh* dan *al-Firāq* telah masyhur pemakaiannya dalam talak, dan kerana itu lafaz-lafaz yang tersebut terhitung dari lafaz talak yang *ṣarīh*.

Inilah dia lafaz yang *ṣarīh* dengan sendirinya.

Adapun “lafaz talak yang *ṣarīh* dengan lainnya” ialah yang berpecah dari lafaz *Khulu’* (tebusan talak), atau dari lafaz *al-Mufādāh* (penebus). Dengan syarat dijadikan tambahan kepada harta dengan dilafazkan atau diniatkan. Misalnya ia berkata kepada isterinya: “Aku bersetuju menerima penebus talak daripadamu” (*khāla tuki*), atau berkata kepadanya: “Aku bersetuju menerima penebus daripadamu” (*fādiyatuki*).

Lafaz-lafaz yang tersebut bukanlah lafaz yang *ṣarīh* dengan sendirinya, tetapi dengan dijadikan tambahan kepada harta (penebus talak yang akan diberikan oleh isteri kepada suami).

Kalau lafaz yang tersebut tidak dijadikan tambahan (kepada harta penebus) maka ia menjadi lafaz *kināyah*.

Selain daripada itu, lafaz talak yang *ṣarīh* dengan lainnya itu, disyaratkan di dalamnya salah satu daripada dua syarat yang telah lalu dalam lafaz talak yang *ṣarīh* dengan sendirinya. Jelasnya, hendaklah ia tersebut di dalam al-Qur’ān, sekalipun tidak berulang-ulang disebutkan, demikian

juga yang tersebut pula maknanya, atau yang masyhur pemakaian dalam talak.

Ada lagi sejenis lafaz talak yang *ṣarīh*, iaitu perkataan: Ya (*na ‘am*), apabila disebutkan ketika menjawab satu pertanyaan tentang talak yang *ṣarīh*. Misalnya kalau salah seorang berkata kepada yang lain: “Adakah kamu telah menceraikan isterimu?” lalu ia menjawab: Ia. Jawapannya ini menjadi talak yang *ṣarīh*.

Oleh itu, talak yang *ṣarīh* itu terlingkung dalam lima lafaz:

- (1) Perkataan “*al-Ṭalāq*” (talak) dan segala kata-kata pecahannya seperti yang telah lalu keterangannya.
- (2) Segala kata-kata pecahan dari lafaz “*al-Sarrāh*” (lepasan).
- (3) Segala kata-kata pecahan dari lafaz “*al-Firāq*” (pemisahan).
- (4) Perkataan “*Khulu’*” (tebus talak), dan “*al-Mufādāh*” (penebus) apabila dijadikan penambah kepada harta (yang dijadikan tebus talak oleh isteri) dengan dilafazkan atau diniatkan.
- (5) Perkataan “Ia” (*na ‘am*) ketika menjawab pertanyaan tentang talak yang *ṣarīh*.

Sekian perkara-perkara yang patut kita perhatikan bersama tentang talak. Perkara ini mustahak kita perhatikan bersama supaya janganlah kiranya persoalan talak itu dipercuakan.

Di dalam pada itu pula patut pula kita memerhatikan dengan peraturan rujuk yang diperundang-undangkan di Selangor. Perkara ini *in shā’a Allāh* akan dibahas kelak dalam keluaran yang akan datang.

